



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KE-10 TAHUN 2013**

**2 Oktober 2013, Putrajaya** – Kementerian Wilayah Persekutuan mengadakan **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan Ke-10 Tahun 2013** selama 2 hari dari 1 hingga 2 Oktober 2013. YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan majlis penutup konvensyen tersebut di Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

2. Penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan Ke-10 Tahun 2013 bertujuan untuk memilih empat (4) kumpulan terbaik iaitu dua (2) Kumpulan Pengurusan dan dua (2) Kumpulan Teknikal yang akan mewakili Wilayah Persekutuan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada 1 hingga 3 Disember 2013.

3. Sebanyak **sebelas (11) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** telah bertanding pada Konvensyen tersebut yang terdiri daripada kumpulan KIK mewakili Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Selain daripada Jabatan / Agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan, Badan-badan Berkanun di Wilayah Persekutuan turut dibenarkan untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat Wilayah Persekutuan kali ini.

4. Objektif Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan Ke-10 Tahun 2013 ialah seperti berikut:

- (i) memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada penjawat awam yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kepada ahli-ahli KIK membuat persembahan.
- (ii) membuktikan dan memberi keyakinan kepada penjawat awam bahawa KIK boleh dilaksanakan dalam sektor awam.
- (iii) memberi keyakinan bahawa KIK dapat membantu penjawat awam menyelesaikan masalah berkaitan dengan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan.
- (iv) mendapatkan maklum balas mengenai masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan KIK dalam sektor awam bagi tujuan memperkasakan lagi keberkesanan program KIK.

5. Hasil kerja daripada KIK ini boleh digunakan dalam menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*) di samping dapat menggalakkan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif. KWP berharap Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif ini akan terus menjadi pentas utama bagi mempamerkan kesungguhan dan komitmen padu daripada pasukan-pasukan untuk meningkatkan dan memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan oleh Kerajaan.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan

2 Oktober 2013

PUTRAJAYA